



## INTEGRASI KONSEP HISBAH DALAM PELAKSANAAN MS 1900 DI MAHKAMAH SYARIAH

*INTEGRATION THE CONCEPT OF HISBAH IN THE IMPLEMENTATION OF MS  
1900 IN SYARIAH COURT*

Nur Fatin Nabilah Shahrom<sup>1\*</sup>, Siti Arni Basir<sup>2</sup>, Marina Abu Bakar<sup>3</sup>, Nurliyana Mohd Talib<sup>4</sup>, Muhammad Mukhlis Muhammad Rosli<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia.  
Email: fatinabilahshahrom@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia.  
Email: sitiarni@um.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia  
Email: marinaab@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis, Malaysia  
Email: liyanatalib@uitm.edu.my

<sup>5</sup> Pegawai Hal Ehwal Islam, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Agama Islam Selangor, Malaysia  
Email: mukhlis@jais.gov.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 27.01.2025

Revised date: 12.02.2025

Accepted date: 03.03.2025

Published date: 17.03.2025

#### To cite this document:

Shahrom, N. F. N., Basir, S. A., Abu Bakar, M., Talib, N. M., Rosli, M. M. M. (2025). Integrasi Konsep Hisbah Dalam Pelaksanaan MS 1900 Di Mahkamah Syariah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (39), 212-229.

DOI: 10.35631/IJLGC.1039014

### Abstrak:

Konsep Hisbah merupakan satu prinsip penting dalam Islam yang menekankan pengawasan dan pemantauan terhadap perlaksanaan undang-undang syariah dalam masyarakat. Artikel ini membincangkan bagaimana konsep Hisbah dapat diintegrasikan dalam sistem pengurusan kualiti patuh syariah di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Kajian ini merangkumi perbincangan berkaitan konsep, definisi, dan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti syariah MS 1900 di Mahkamah Syariah Negeri Melaka dan perkaitannya dengan konsep hisbah. Berdasarkan hasil kajian menggunakan teknik analisis literatur dan teknik kajian kes mendapat terdapat 9 langkah pelaksanaan MS 1900 yang mempunyai integrasi berkaitan konsep hisbah dalam Islam iaitu Kepimpinan Pengurusan Tertinggi dan Penubuhan Jawatankuasa Khas, Pengurusan Sumber, Latihan dan Kursus, Dokumentasi, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Penambahbaikan Berterusan, Audit Dalaman dan Audit Luaran serta Pengurusan Risiko. Tuntasnya, pelaksanaan MS 1900 mempunyai pengintegrasian yang jelas dengan konsep hisbah yang secara langsung mampu meningkatkan pematuhan syariah dan menjamin kualiti perkhidmatan serta

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



produk yang disediakan terutama di institusi Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

**Kata Kunci:**

Hisbah, Kajian Kes, MS1900, Mahkamah Syariah, Pengurusan Kualiti

**Abstract:**

The concept of Hisbah is an important principle in Islam that emphasizes supervision and monitoring the implementation of Sharia law in society. This article discusses how the concept of Hisbah can be integrated into the Sharia-compliant quality management system at the Melaka State Sharia Court. This study includes a discussion of the concept, definition, and implementation of the Sharia quality management system MS 1900 at the Melaka State Sharia Court and its relation to the concept of Hisbah. Based on the findings from literature analysis and case study techniques, it was found that there are 9 steps in the implementation of MS 1900 that integrate with the concept of Hisbah in Islam, which are: Leadership of Top Management and the Establishment of a Special Committee, Resource Management, Training and Courses, Documentation, Management Review Meetings (MKSP), Continuous Improvement, Internal and External Audits, and Risk Management. In conclusion, the implementation of MS 1900 shows a clear integration with the concept of Hisbah, which directly enhances Sharia compliance and ensures the quality of services and products provided, especially at the Melaka State Sharia Court.

**Keywords:**

Hisbah, Case Study, MS1900, Sharia Court, Quality Management

## Pengenalan

Hisbah adalah satu institusi pengawasan dalam Islam yang bertujuan untuk memastikan kepatuhan kepada prinsip-prinsip syariah dalam semua aspek kehidupan, termasuk perdagangan, urus niaga, dan kehidupan sosial. Sistem pengurusan kualiti patuh syariah MS 1900 pula merujuk kepada usaha untuk memastikan setiap proses dan output sesebuah organisasi mematuhi prinsip-prinsip syariah. Marzuki (2017) menjelaskan bahawa konsep hisbah dalam sebuah organisasi seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM) dan Kawalan Kualiti (QCC) tidak dikaitkan secara langsung dengan Islam. Elemen hisbah bukan tertumpu kepada pengawasan dalam bidang muamalat sahaja namun hisbah mempunyai aplikasi yang lebih luas. Hisbah merangkumi setiap peringkat bermula dengan hisbah pemantauan kendiri dari dalam diri individu, kemudian diterapkan pula dalam pelbagai bidang antaranya ekonomi, perbankan Islam, kesihatan, alam sekitar dan pembangunan manusia. Artikel ini akan meneroka bagaimana konsep dan elemen hisbah diterapkan dalam sistem pengurusan kualiti MS 1900 bagi memastikan pematuhan syariah yang lebih efektif. Penulisan ini bertujuan untuk memahami prinsip-prinsip hisbah dan bagaimana prinsip-prinsip hisbah diterapkan dalam pengurusan kualiti di Mahkamah Syariah.

## Sorotan Literatur

Bahagian sorotan literatur dalam penulisan ini akan dibahagikan kepada beberapa tema iaitu konsep hisbah, prinsip-prinsip hisbah dan sistem pengurusan kualiti MS 1900. Tujuan pengkajian sorotan literatur ini adalah untuk mendapat gambaran yang jelas tentang setiap elemen penting yang hendak dikaji dalam penyelidikan.

### Konsep Hisbah

Hisbah menurut terjemahan ahli bahasa berasal daripada perkataan Arab "ihtisab" yang bermaksud sumber perhitungan pahala bagi amal kebaikan yang dilakukan untuk mentaati perintah Allah. Sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW di bawah:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَبْيَهُ

*Maksudnya: "Barangsiapa yang berpuasa di bulan Ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, maka akan diampunkan dosanya yang telah lalu."*

*(Riwayat al-Bukhari (38) dan Muslim (760))*

Pentakrifan hisbah menurut istilah pula diketengahkan oleh beberapa ahli ilmu seperti Ibnu Taimiyah, Ibnu Khaldun, Al-Maraghi dan Muhammad al-Mubarak. Ibnu Taimiyah menerangkan bahawa hisbah adalah peranan muhtasib dalam hal ehwal mencegah kemungkaran dan mengajak kepada hal-hal kebaikan dalam konteks sesebuah wilayah tadbir.

Manakala, Ibnu Khaldun mengetengahkan takrif hisbah melibatkan urusan pentadbiran untuk mengawal tindakan dan tingkahlaku individu agar menepati kehendak syarak dengan menepati perintah Allah untuk melakukan perkara makruf dan mencegah perkara mungkar.

Al-Maraghi turut menjelaskan hisbah adalah perbuatan yang mendekati hal ehwal pasar dari segi mengaudit setiap kesilapan atau penipuan yang berlaku di pasar seperti menipu timbangan dan menghilangkan setiap kemudaratan yang menyebabkan kesusahan pihak-pihak yang lain (Azrin, 2018).

Dalam pada itu, Muhammad Al-Mubarak mendefinisikan bahawa hisbah adalah pengawalan pentadbiran yang dilakukan oleh sesebuah pentadbiran negara yang meliputi urusan individu dalam koneksi akhlak, agama, ekonomi dan sosial yang mana tujuannya untuk mencapai keadilan dan kebajikan.

Tuntasnya, hisbah boleh difahami sebagai urusan untuk menegakkan amar makruf nahi mungkar, iaitu mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Ini selari dengan dalil al-Quran yang dijelaskan dalam surah at-Taubah ayat 71 yang bermaksud:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan milarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.

*(At-Taubah 9:71)*

Pensyariatan hisbah juga telah dijelaskan menerusi Hadis Nabi Muhammad SAW yang mafhumnya:

Barang siapa dari kalangan kamu melihat kemungkaran, maka hendaklah dia mengubahnya dengan tangannya, jika tidak mampu maka dengan lidahnya, jika tidak mampu juga maka dengan hatinya dan demikian itu adalah selemah-lemah iman.

(Riwayat Muslim)

### **Pembahagian Elemen Hisbah**

Berdasarkan kajian oleh Abdul Qahhar et al (2018) mengetengahkan elemen hisbah terbahagi kepada dua iaitu hisbah dalaman dan hisbah luaran. Hisbah dalaman merujuk kepada sistem pengawasan dan pemantauan yang dilaksanakan dalam organisasi atau institusi untuk memastikan pematuhan kepada prinsip-prinsip etika, moral, dan syariah. Ia melibatkan tindakan menegur dan mengawal tingkah laku serta aktiviti anggota organisasi agar selaras dengan nilai-nilai yang ditetapkan, terutamanya dalam konteks organisasi yang berlandaskan kepada prinsip Islam. Hisbah dalaman berperanan penting dalam meningkatkan integriti, akauntabiliti, dan kebertanggungjawaban dalam pengurusan organisasi. Kajian Afifi dan Muslihah (2019) yang menerangkan bahawa amalan hisbah kendiri mampu melahirkan dan memperkasakan pengurusan insan yang berkualiti bagi menangani masalah yang berlaku dalam sesebuah organisasi.

Hisbah luaran pula boleh difahami sebagai satu bentuk pengawasan yang dikendalikan oleh satu jawatankuasa khas atau institusi yang diberi kuasa untuk membuat pengawasan, pengawalan dan penjagaan bagi mengambil tanggungjawab amar makruf dan nahi munkar bagi setiap hal ehwal yang berkaitan. Institusi-institusi yang dimaksudkan seperti institusi perundangan, institusi penguatkuasaan, institusi hal ehwal ekonomi dan institusi Pendidikan. Setiap tindakan yang berkaitan hisbah dalam diri individu mahupun sesebuah organisasi adalah bertujuan untuk mencapai standard kualiti yang terbaik yang menepati konsep pensyariatan hisbah.

### **Pelaksanaan Hisbah dalam Pengurusan Organisasi**

**Jadual 1.0: Kajian Lepas Pelaksaan Hisbah**

<b>Bil.</b>	<b>Penulis dan Tahun</b>	<b>Hasil Kajian</b>
1.	Elvira Sitna Hajar (2021)	Kajian ini menunjukkan bahawa konsep hisbah bukan sahaja bersifat normatif tetapi juga berasaskan sejarah dan amalan masyarakat.
2.	Nur Al-Farhain & Kamaruzaman (2021)	Kajian ini mengkaji konsep hisbah dalam konteks perundangan Syariah Malaysia. Ia mendapati bahawa penguatkuasaan undang-undang moral di Malaysia selaras dengan konsep hisbah, tetapi terdapat isu ketidakseragaman peruntukan undang-undang antara negeri, bentuk hukuman yang tidak memenuhi kehendak syarak, dan pelanggaran etika pegawai penguat kuasa agama.
3.	Mohd Ab Malek et al (2021)	Kajian ini membahas kesesuaian konsep hisbah dalam era moden, menilai kecekapan institusi hisbah dalam pengurusan dan penguatkuasaan undang-undang Islam serta cabaran dalam pelaksanaannya di dunia moden.
4.	Muslihah, Siti Nur Afiqah & Noor Azizah (2021)	Kajian ini meneliti amalan hisbah dalam pengurusan disiplin pelajar di institusi pendidikan Islam, khususnya di

5. Hamidi & Nasron (2022)

Pondok Bustanul Arifin. Kajian mendapati bahawa amalan hisbah meliputi aspek akidah, syariah, dan akhlak yang mempengaruhi pembentukan disiplin pelajar.

6. Nur Sarah et. al (2022)

Kajian ini membincangkan peranan hisbah dalam mengawal selia aktiviti perniagaan untuk memastikan kepatuhan kepada prinsip syariah. Fokus utama adalah pada aspek penipuan perniagaan, riba, monopoli barang, kehalalan produk, dan kepatuhan terhadap amalan Islam dalam perniagaan.

7. Abdul Qahhar et. al (2024)

Kajian ini meneliti konsep hisbah dalam konteks Malaysia sebagai satu mekanisme penguatkuasaan dalam sistem Syariah. Kajian menunjukkan bahawa hisbah wujud dalam falsafah Islam tetapi tidak diperlakukan secara rasmi di Malaysia. Kajian ini membincangkan kelebihan dan kekurangan pelaksanaan hisbah serta mencadangkan penambahbaikan dalam sistem penguatkuasaan Syariah.

Kajian ini meneliti pelaksanaan hisbah dalam pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Kajian mendapati bahawa pelaksanaan hisbah di Malaysia berbeza mengikut negeri tetapi mempunyai persamaan dalam pembentukan jabatan penguatkuasaan khas serta pelantikan pegawai penguat kuasa agama untuk memastikan kepatuhan terhadap undang-undang Islam. JAKIM memainkan peranan penting dalam menyelaras sistem ini di peringkat nasional.

---

Sumber: Olahan penyelidik berdasarkan kajian literatur.

Berdasarkan Jadual 1.0 di atas, didapati bahawa pelaksanaan hisbah adalah bertujuan untuk meningkatkan pengamalan moral berpandukan Islam sebagaimana kajian oleh Muslihah, Siti Nur Afiqah & Noor Azizah (2021). Kajian lepas juga menunjukkan bahawa pelaksanaan hisbah banyak tertumpu dalam konteks penguatkuasaan dan perundangan sebagaimana kajian oleh Nur Al-Farhain & Kamaruzaman (2021), Mohd Ab Malek et al (2021) dan Nur Sarah et al (2022). Justeru itu, kajian ini mengetengahkan pendekatan pembangunan ilmu bagi mengisi kelomongan pelaksanaan hisbah dalam konteks pengurusan kualiti MS 1900 di mahkamah syariah yang mana kajian lepas lebih tertumpu kepada perundangan sahaja.

### **Sistem Pengurusan Kualiti Patuh Syariah MS 1900**

Kajian berkaitan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti telah banyak dikaji oleh para pengkaji yang lepas namun kajian MS 1900 diintegrasikan bersama konsep hisbah masih belum diterokai. Jadual 2.0 di bawah menunjukkan trend kajian berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti MS1900.

**Jadual 2.0 Sorotan Kajian Lepas MS 1900**

<b>Bil.</b>	<b>Penulis dan Tahun</b>	<b>Skop Kajian</b>
8.	(Hamzah, 2020)	Hospital
9.	(Al-Banna Mohamed et al., 2020)	Intitusi Pengajian Tinggi Swasta
10.	Kamri, N. 'Azzah, Sarif, S., Ali, N. A., & Tukiran, N. A. (2020).	Perhotelan

11. (Nabila & Wardi, 2021) SIRIM
12. (Al-Banna Mohamed et al., 2021) Institusi Pengajian Tinggi Awam
13. (Al-banna Mohamed et al., 2021) Institusi Pengajian Tinggi Swasta
14. (Firdaus Zakaria et al., 2021) Institusi Pengajian Tinggi Awam Islam
15. (Arni Basir Muhammad Firdaus Zakaria & Al-Banna Mohamed, 2021) Institusi Zakat
16. (Mohamed et al., 2021) Institusi Pengajian Tinggi
17. (Jalal et al., 2022) Angkatan Tentera Malaysia
18. (Al-banna Mohamed et al., 2021) Institusi Pengajian Tinggi
19. (Basir et al., 2022) Institusi Pengajian Tinggi

---

**Sumber:** Olahan Penyelidik berdasarkan sorotan kajian lepas.

Berpandukan senarai sorotan kajian lepas di atas menunjukkan bahawa kebanyakan pengkaji mempelopori kajian MS 1900 dalam konteks institusi pengajian tinggi awam dan swasta seperti Hasan al-Banna et al. (2022), Zakaria, M. F., Basir, S. A., & Md Rasip, O. (2021). Bagi pengkaji lain pula membincangkan kajian MS 1900 dalam konteks pusat zakat (Siti Arni, Muhammad Firdaus dan Hasan Al-Banna, (2021), perkhidmatan kesihatan (Md Shariff, (2018) dan Hamzah (2020), industri perhotelan (Kamri, 2020) dan kajian perpustakaan berkaitan konsep MS 1900 dalam pengurusan kualiti organisasi kajian oleh Mohamad & Mansor, 2018).


Walaupun telah banyak kajian-kajian lepas berkaitan MS1900 namun, kajian MS 1900 dalam konteks institusi kehakiman syariah belum pernah diterokai dan kajian pelaksanaan MS1900 dalam konteks penganalisaan konsep hisbah juga masih di peringkat awal. Justeru, kajian ini memfokuskan berkaitan analisis konsep hisbah dalam pelaksanaan sistem pengurusan kualiti patuh Syariah MS 1900 dengan memilih MSNM sebagai subjek kajian kes untuk dikaji dengan lebih mendalam.

### **Metodologi Kajian**

Menurut Creswell (2014), metodologi penyelidikan boleh ditakrifkan sebagai pendekatan umum yang diambil oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan yang terdiri daripada rangka kerja teori yang menyokong kajian, kaedah yang digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data, dan strategi keseluruhan untuk menangani masalah kajian. Takrifan ini menekankan kepentingan pendekatan berstruktur kepada penyelidikan yang berasaskan asas teori yang kukuh.

Justeru itu, bagi menyempurnakan objektif kajian ini, penyelidik telah menggunakan metodologi kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Menurut Yin (2018), kajian kajian kes ditakrifkan sebagai inkuiiri empirikal yang menyiasat fenomena kontemporari secara mendalam dan dalam konteks kehidupan sebenar, terutamanya apabila sempadan antara fenomena dan konteks tidak jelas. Takrifan ini menyerlahkan tumpuan untuk memahami selok-belok kes tertentu sambil mempertimbangkan keadaan sekeliling. Kajian ini telah memilih Mahkamah Syariah Negeri Melaka sebagai subjek kes oleh kerana kecemerlangan yang ditonjolkan dalam pelaksanaan MS 1900 Sistem Pengurusan Kualiti Berteraskan Syariah. Rajah 1.0 di bawah menjelaskan gambaran keseluruhan bagi reka bentuk kajian ini:

**Rajah 1.0: Reka Bentuk Kajian**



Teknik pengumpulan data yang utama dalam kajian ini adalah menggunakan teknik temubual separa struktur dan disokong dengan teknik pengumpulan data dokumentasi. Seramai 11 orang informan telah ditemubual bagi mendapatkan data-data kajian bagi melengkapkan objektif kajian. Jadual 2.0 dibawah merupakan senarai informan yang terlibat.

**Jadual 2.0: Senarai Informan Tembual.**

BIL	JAWATAN	PERANAN DALAM MS 1900
1.	Ketua Hakim Syarie	Penasihat ISO 9001/MS 1900
2.	Ketua Pendaftar	Penyelaras ISO 9001/MS 1900
3.	Hakim Kanan Mahkamah Rendah Syariah	Ajk Penasihat Syariah
4.	Hakim Mahkamah Rendah Syariah	Setiausaha ISO 9001/MS 1900
5.	Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga	Ketua Jawatankuasa Latihan dan Promosi
6.	Pegawai Sulh	Pegawai Pematuhan Syariah
7.	Penolong Pegawai Syariah	Pegawai Pematuhan Syariah

8.	Penolong Akauntan	Unit Kewangan
9.	Penolong Pegawai Tadbir	Unit Perolehan dan Pembekalan
10.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	Unit Dokumentasi MS 1900
11.	Pembantu Syariah	Pegawai Pematuhan Syariah

Sumber: Olahan penyelidik.

Seterusnya, bagi mengkaji hubungkait konsep hisbah dalam pelaksanaan MS 1900 di Mahkamah Syariah Negeri Melaka pula, pengkaji menggunakan teknik pengumpulan kajian perpustakaan dengan merujuk kitab-kitab muktabar seperti *Kitab al-Hisbah Fil Islam* dan *Nizam al-Hisbah Fil Islam* serta rujukan berbentuk artikel jurnal yang berkaitan dengan konsep hisbah.

### **Analisis Integrasi Konsep Hisbah dengan Langkah-langkah Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS 1900 di Mahkamah Syariah Negeri Melaka**

Hasil kajian mendapati 9 langkah pelaksanaan MS 1900 yang utama dilaksanakan di MSNM mempunyai integrasi dengan pensyariatan konsep hisbah. Langkah-langkah tersebut adalah Kepimpinan Pengurusan Tertinggi, Penubuhan Jawatankuasa Khas, Pengurusan Sumber, Latihan dan Kursus, Dokumentasi, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Penambahbaikan Berterusan, Audit Dalaman dan Audit Luaran serta Pengurusan Risiko.

#### ***Langkah 1: Kepimpinan Pengurusan Tertinggi***

Peranan pihak pengurusan dalam konteks prinsip hisbah berkait rapat dengan tanggungjawab mereka untuk mengawasi, mengendalikan, dan memastikan amalan-amalan organisasi selaras dengan nilai-nilai etika dan moral dalam Islam. Pihak pengurusan merupakan penggerak utama dalam urusan sesebuah organisasi. Tanggungjawab pengurusan melibatkan kepimpinan, penyelarasan sumber daya, dan mencipta budaya yang merangsang inovasi (Avanti dan Sobowo, 2017). Misalnya, perancangan pihak pengurusan adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak pelanggan tetapi perlu diingatkan bahawa kehendak pelanggan tersebut tidak boleh sama sekali bercanggah dengan prinsip Syariah.

Selain itu, pihak pengurusan berperanan untuk menjalankan semak imbang sistem pengurusan kualiti organisasi secara berkala dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan untuk memastikan piawaian kualiti MS 1900 berfungsi secara berterusan dalam organisasi. Ini adalah salah satu perkara yang dibincangkan secara terperinci dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP). Pihak atasan perlu menggalakkan amalan inovasi dalam kalangan warga kerja agar masalah yang dihadapi dapat diselesaikan dengan cekap dan efisien selari dengan tujuan inovasi dilaksanakan.

Berdasarkan hasil dapatan kajian temubual bersama informan menunjukkan bahawa kepimpinan pengurusan tertinggi dalam pelaksanaan SPK MS 1900 ini adalah perkara penting. Ketua Hakim, Hakim MRS dan Pegawai Sulh menjelaskan bahawa arahan dan sokongan serta dukungan daripada pihak pengurusan tertinggi menjadikan pelaksanaan SPK MS 1900 ini dapat dilaksanakan di jabatan mereka. Sebagaimana yang dijelaskan oleh informan Hakim MRS bahawa perintis idea untuk menjadikan perkara yang penting iaitu pengamalan nilai-nilai Islam bagi menjayakan pelaksanaan SPK MS 1900 di Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

Tidak ketinggalan juga, pihak pengurusan berperanan sebagai pembuat keputusan serta pemantau pelaksanaan SPK MS 1900 ini. Pihak pengurusan tertinggi juga memainkan peranan penting dalam pelaksanaan SPK MS 1900 yang mana di Mahkamah Syariah Negeri Melaka diwujudkan Jawatankuasa Penasihat Syariah yang terdiri dalam kalangan pihak pengurusan tertinggi. Jawatankuasa Penasihat Syariah ini berperanan dalam mempastikan bahawa pengurusan Mahkamah Syariah Negeri Melaka patuh mengikut hukum syarak dari sudut pelaksanaan serta setiap transaksi yang berlaku di mahkamah sedaya upaya berlandaskan hukum syarak dan patuh Syariah. Informan Ketua Pendaftar, Hakim Kanan MRS, Pegawai Sulh, dan Pembantu Syariah menjelaskan bahawa peranan Penasihat Syariah juga adalah membantu dalam memberikan sumber-sumber dalil berautoriti terutama dalam penentuan TKKS. Hal ini berikutan salah seorang Penasihat Syariah merupakan Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri serta mahir penguasaan kitab-kitab turath. Perkara ini banyak membantu JK Pematuhan Syariah lebih-lebih lagi melibatkan istilah-istilah muamalat bagi transaksi yang berlaku di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Misalnya, transaksi muamalat istisna', kafalah, Bay' Urbun, Bay' Al-Muzaiyyadah dan ijarah. Ini selari dengan pendekatan hisbah yang mana pihak pengurusan perlu melantik muhtasib yang berperanan untuk memastikan bahawa pekerja dalam organisasi memahami dan mengamalkan nilai-nilai amar makruf nahi munkar sebagaimana yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan.

### ***Langkah 2: Penubuhan Jawatankuasa Khas***

Penubuhan jawatankuasa ini penting supaya pembahagian kerja SPK MS 1900 dapat diagihkan kepada individu-individu tertentu agar pelaksanaan SPK MS 1900 dapat dijalankan dengan terurus, lancar dan tersusun. Jawatankuasa tersebut dinamakan dengan Jawatankuasa Pelaksana MS 1900:2014 yang terdiri daripada Setiausaha dan Timbalan Setiausaha, JK Latihan dan Promosi, JK Audit, JK Dokumentasi dan Data serta Ahli MKSP.

Penubuhan Jawatankuasa Khas Kualiti ini mempunyai peranan tersendiri. Informan Pengarah BSK yang merupakan ketua kepada JK Latihan dan Promosi menghuraikan pembahagian tugas dalam kalangan ahli JK Latihan dan Promosi adalah berdasarkan aktiviti-aktiviti. Seterusnya, peranan JK Dokumentasi dan Data pula adalah menyediakan dokumen-dokumen berkaitan pematuhan Syariah daripada isi kandungan, data-data dan maklumat sekaligus menyiapkan fail dokumentasi pematuhan Syariah.

Informan Hakim MRS menyatakan bahawa Penubuhan JK ini amat penting kerana sedia maklum bahawa pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam JK Pematuhan Syariah ini ada dalam kalangan Hakim, Pegawai Sulh, Pegawai Syariah dan Pegawai Penyelidik yang mana masing-masing mempunyai tugas yang hakiki seperti perlu menguruskan pendaftaran kes di kaunter, melaksana perbicaraan di mahkamah, menguruskan pemfailan dokumen serta menghadiri kursus-kursus berkaitan tugas hakiki. Maka dengan adanya Penubuhan JK ini memudahkan pihak pengurusan tertinggi untuk memantau segala aktiviti yang melibatkan

pelaksanaan SPK MS 1900 di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Berikut adalah perkongsian informan Hakim MRS sewaktu ditemubual sebagaimana berikut:

“Sekretariat ini bukan satu jawatan dalam pentadbiran. Tetapi jawatan adhoc. Pegawai dan staf terlibat dengan tugas hakiki yang asal. Mereka yang terlibat seperti pegawai sulu, pegawai penyelidik dan hakim. Kita tubuhkan sekretariat bagi memudahkan Ketua Pendaftar untuk memantau aktiviti pelaksanaan SPK MS 1900 di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Misalnya, Pegawai Syariah uruskan ISO 9000, Pegawai Sulu uruskan MS 1900, Pengarah BSK uruskan aktiviti latihan. Peranan jawatankuasa uruskan apa-apa sahaja yang berkaitan ISO 9000 seperti kursus, bengkel, mesyuarat dan lawatan.”

Penubuhan jawatankuasa khas ini mempunyai persamaan dengan elemen dalam konsep hisbah yang mana pelantikan jawatankuasa khas iaitu muhtasib dilantik dengan tujuan mengawasi dan memantau agar setiap urustadbir dalam organisasi memenuhi prinsip amar makruf dan nahi munkar.

### ***Langkah 3: Pengurusan Sumber***

#### ***Pengurusan Sumber Manusia***

Pengurusan sumber manusia dapat dilihat menerusi usaha pihak pengurusan tertinggi dan wakil pengurusan menyediakan pengetahuan berkaitan pelaksanaan SPK MS 1900 dengan membuat lawatan-lawatan ke institusi-institusi penanda aras seperti institusi yang telah berjaya dipersijilkan MS 1900, institusi yang menguruskan pusat pelupusan ayat al-Quran serta institusi yang mengamalkan pengurusan kualiti halal di pusat penyembelihan. Usaha-usaha seperti ini merupakan elemen hisbah berbentuk hisbah dalaman yang mana setiap strategi yang disusun oleh pihak pengurusan terhadap ahli dalam organisasi adalah untuk memberi kefahaman serta penerapan nilai-nilai Islam yang mana impaknya dapat membentuk ahli organisasi yang boleh mengawasi diri sendiri.

Lawatan-lawatan seperti ini membantu pegawai dan staf yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk didedahkan dengan elemen serta budaya kerja yang berpaksikan patuh syariah. Ini seperti yang dinyatakan oleh informan Pembantu Syariah:

“Kami pergi lawatan ke MiHAS, institut penyelidikan halal UPM, tempat sembelihan dan melawat industri halal sektor pemakanan. Ini membantu dalam menambah pengetahuan pegawai dan kakitangan berkaitan halal dalam industri pemakanan sebagaimana yang kita tahu kafe di MSNM telah mendapatkan persijilan halal daripada JAKIM.”

#### ***Pengurusan Sumber Fasiliti***

Selain itu, berdasarkan kaedah pengamatan dan temubual bersama penyelidik, penyediaan sumber prasarana adalah seperti tempat solat, kafetaria yang dipersijilkan halal JAKIM, bilik penyusuan dan bilik pelupusan ayat-ayat al-Quran. Malahan prasarana seperti dewan perbicaraan dan kafetaria menitikberat penjagaan ikhtilat lelaki dan perempuan dengan adanya label pengasingan lelaki dan perempuan untuk dipatuhi. Pelaksanaan pengawasan dalam konteks pengurusan sumber berbentuk logistik dan kemudahan fasiliti ini juga merupakan komponen penting dalam konsep hisbah. Hal ini kerana, suasana yang terjaga dan diawasi dengan nilai-nilai Islam ini dapat menjayakan pelaksanaan MS 1900 di Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

Bagi memastikan aktiviti pelaksanaan SPK MS 1900 ini menyeluruh hingga ke mahkamah daerah, pihak Mahkamah Syariah Negeri Melaka turut menyediakan kemudahan kereta pejabat untuk digunakan bagi aktiviti-aktiviti seperti pemantauan isu-isu kritikal syariah, *road-tour* penerangan berkaitan SPK MS 1900 dan pelaksanaan audit dalam.

#### ***Langkah 4: Latihan dan Kursus***

Informan Pengarah BSK menjelaskan latihan dan kursus diuruskan oleh Sekretariat Latihan dan Promosi. Latihan bagi pegawai dan kakitangan adalah berbentuk bengkel, kursus, lawatan, dan program kerohanian. Bagi setiap latihan yang disediakan pihak JK Latihan dan Promosi akan mengedarkan Borang Keberkesanan Latihan dalam kalangan warga kerja yang terlibat. Perkara ini dilakukan untuk mengenalpasti keberkesanan latihan yang telah disediakan terhadap warga kerja di Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

Tambahan lagi, informan turut menjelaskan, Sekretariat Latihan dan Promosi banyak memfokuskan bentuk latihan bagi juru audit agar kefahaman dan kemahiran juru audit dapat diperkasakan dari semasa ke semasa serta menambahbaik senarai semak bagi keperluan pengauditan audit dalam di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Hal ini kerana, perkara utama pelaksanaan SPK MS 1900 ini adalah berkaitan pengauditan dokumen. Justeru, setiap tahun kursus juruaudit akan menjadi latihan yang mesti dilaksanakan oleh kerana berlaku pertukaran pegawai di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Informan menjelaskan lagi bahawa penceramah yang dijemput bagi memberi kursus berkaitan pengauditan kepada juruaudit dalam Mahkamah Syariah Negeri Melaka adalah penceramah yang mahir dan pakar yang mana dijemput khas daripada SIRIM.

Pelaksanaan latihan kepada warga kerja juga berbentuk bengkel seperti bengkel dokumentasi keperluan dokumen-dokumen kualiti seperti Pengurusan Risiko dan Isu Kritikal Syariah, bengkel pelupusan ayat al-Quran dan bengkel pengurusan kaunter. Latihan-latihan seperti ini membantu meningkatkan lagi kefahaman para pegawai dan staf dalam proses-proses kerja yang mereka perlu laksanakan dalam pelaksanaan SPK MS 1900 ini.

Selain itu, berkaitan program latihan, JK Latihan dan Promosi turut menyusun bentuk latihan yang berbentuk lawatan yang mana dapat meningkatkan kefahaman dan memperkasakan pengetahuan dalam kalangan pegawai dan kakitangan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka berkaitan elemen patuh Syariah.

Seterusnya, informan Ketua Pendaftar, Pengarah BSK dan Pegawai Sulh juga menjelaskan lawatan-lawatan ini dapat memupuk kesedaran dan peka berkaitan hal ehwal syarak. Misalnya, lawatan ke Akademi Nasyrul Quran dan Zee Enterprise berkaitan pengurusan pelupusan ayat al-Quran. Manakala lawatan ke Kilang Kewpie pula dapat membuka minda para pegawai dan staf dengan budaya yang diamalkan oleh Kilang Kewpie yang mana dipersijilkan halal oleh JAKIM dengan ‘zero’ NCR. Malahan, di samping program lawatan, program latihan ada juga berbentuk menambah kefahaman pegawai dan staf berkaitan elemen fardhu ain seperti kelas tajwid dan kelas tafaqquh. Justeri itu, integrasi konsep hisbah dapat dikenalpasti dalam langkah pelaksanaan latihan dan kursus ini dalam konteks peranan kepimpinan dan jawatankuasa khas berperanan untuk bertindak sebagai badan yang memberi pemahaman tentang amar ma’ruf dan nahi munkar dalam kalangan warga MSNM.

### ***Langkah 5: Dokumentasi***

Klausula 4 Sistem Pengurusan Kualiti dalam MS 1900 ini menjelaskan bahawa sesebuah organisasi perlu konsisten mewujudkan, mendokumentasikan, melaksanakan dan menyelenggarakan satu sistem pengurusan kualiti menurut keperluan Syariah secara efisien dan efektif. Antara keperluan utama yang perlu dilaksanakan organisasi dalam menjayakan persijilan MS 1900 ini adalah menyediakan kaedah pendokumentasian bagi polisi kualiti, manual kualiti, Titik Kawalan Kritikal Syariah (TKKS) dan merekodkan dokumen serta prosedur-prosedur penting dalam sesebuah organisasi.

Peranan Sistem Pengurusan Kualiti dengan amalan inovasi juga dapat dikaitkan sebagaimana dalam kajian oleh (Abu-Salim et al., 2019) yang menjelaskan bahawa pelaksanaan sistem pengurusan kualiti menjadi satu strategi baharu bagi menggalakkan aktiviti inovasi dalam organisasi serta meningkatkan keupayaan organisasi sentiasa berdaya saing dalam keperluan semasa. Malahan, kajian oleh Mariano, Enrique dan Juan (2022) (García-Fernández et al., 2022) menunjukkan bahawa sistem pengurusan kualiti memberi kesan langsung dan tidak langsung terhadap amalan inovasi dalam sesebuah organisasi. Kesan langsung dan tidak langsung amalan inovasi yang diperoleh terhadap organisasi ialah dapat meningkatkan prestasi operasi, kepuasan pelanggan dan pekerja serta dapat meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan.

### ***Langkah 6: Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP)***

Perbincangan MKSP banyak melibatkan pengurusan tertinggi dan ahli Jawatankuasa Pematuhan Syariah. Hal ini kerana, MKSP melibatkan wakil dalam kalangan pengurusan tertinggi, ketua-ketua unit dan bahagian serta ketua-ketua Jawatankuasa ISO 9000 dan MS 1900. Ini selari dengan maklumat yang disampaikan informan oleh Pembantu Syariah dan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat yang menyatakan bahawa antara ahli mesyuarat MKSP yang terlibat adalah Ketua Unit Pematuhan Syariah dan Ketua Unit Bahagian Teknologi Maklumat.

MKSP di Mahkamah Syariah Negeri Melaka akan diadakan setahun sekali selepas selesai audit dalam dan audit pemantauan dijalankan. MKSP bertujuan untuk menilai prestasi Mahkamah Syariah Negeri Melaka sepanjang tahun dengan menilai pencapaian objektif kualiti, piagam pelanggan, pembentangan laporan setiap unit yang ada di Mahkamah Syariah Negeri Melaka, aduan pelanggan, laporan audit pemantauan, laporan audit dalam bagi ISO 9000 dan MS 1900 serta membincangkan penambahbaikan hasil daripada pembentangan laporan.

Pengamalan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dalam MS 1900 selari dengan konsep hisbah yang mana bertujuan untuk memastikan ketelusan dalam setiap gerak kerja, menilai kekurangan dan kelebihan organisasi serta memikirkan usaha untuk menambahbaik setiap kesilapan yang telah dijalankan supaya tidak diulangi. Malahan, melalui MKSP ini setiap aspek penting dalam memastikan kemenjadian pelaksanaan MS 1900 dihitung dan dipertimbangkan agar semuanya menepati pelaksanaan makruf dan pencegahan kemungkar.

### ***Langkah 7: Penambahbaikan Berterusan***

Klausula 8 MS1900 melibatkan proses mengenalpasti keakuran dan penambahbaikan sistem pengurusan kualiti organisasi yang memenuhi keperluan Syariah. Klausula ini menjelaskan maklumat-maklumat daripada laporan audit dan kritikan pelanggan hendaklah dianalisis dan hasilnya hendaklah dijadikan input untuk menambahbaik MS 1900. Input-input daripada pihak

berkepentingan juga perlu diambil kira untuk menambahbaik pelaksanaan MS 1900 dan seterusnya dapat menjana idea dalam proses inovasi.

Berdasarkan hasil pengamatan dan temubual bersama penyelidik, penambahbaikan berterusan dibincangkan dan diperoleh menerusi beberapa saluran seperti menerusi MKSP, aduan pelanggan, cadangan daripada juru audit dalaman dan juruaudit luaran serta hasil laporan-laporan dalam setiap unit di Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

Informan Penolong Pegawai Tadbir merupakan ketua unit perolehan menjelaskan bahawa sejak pelaksanaan MS 1900 ini dilaksanakan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka, unit perolehan dan pembekalan amat mementingkan elemen suci, mesra alam dan patuh syariah dalam pemilihan kontraktor pembersihan dan pegawai keselamatan. Ini boleh diteliti menerusi keterangan informan seperti berikut:

“Sebelum ini tidak titikberatkan berkaitan dengan elemen suci dan go green. Dari segi bahan kimia yang merbahaya atau tidak. Rupanya kami kena maklumkan pada pembekal. Misalnya penyapu yang ada unsur khinzir dan bulu binatang. Selepas ada nya MS 1900 ini kita akan maklumkan pada pembekal semasa sesi taklimat berkaitan kriteria-kriteria patuh Syariah yang perlu dipatuhi. Wajib mereka ikut syarat. Kita akan berurusan dengan bumiputera.”

Malahan dengan adanya pelaksanaan SPK MS 1900 ini di Mahkamah Syariah Negeri Melaka, elemen suci, bersih dan halal di kafetaria mahkamah giat diusahakan oleh Jawatankuasa Pematuhan Syariah sehingga menjadikan kafetaria Mahkamah Syariah Negeri Melaka merupakan kafetaria Mahkamah Syariah yang pertama memperoleh persijilan halal di Malaysia.

Lantaran itu, integrasi konsep hisbah dalam langkah penambahbaikan berterusan MS 1900 ini melibatkan amalan dan budaya dalam MSNM yang memanduh kepada pembetulan berterusan. Pembetulan ini adalah sebahagian daripada usaha untuk memastikan warga kerja sentiasa berada di landasan yang benar dan tidak terjerumus dalam perkara-perkara yang boleh merosakkan kebaikan secara berterusan.

#### ***Langkah 8: Audit Dalaman dan Audit Luaran***

Islam mengajar umatnya agar memberikan terbaik dalam setiap amalan yang dilakukan. Amalan inovasi adalah satu aktiviti yang melibatkan proses dan perancangan untuk menghasilkan produk yang terbaik dan kompeten serta mematuhi Syariah. Hal ini bertepatan dengan wahyu Allah dalam surah al-Anbiya' ayat ke yang mengajak hamba-Nya sentiasa berlumba untuk melaksana kebaikan (Al-Anbiya' ayat 90). Hubungan inovasi dengan aspek penghasilan produk boleh dikaitkan dengan kod-kod yang ada di bahagian klausa penghasilan produk seperti komunikasi pelanggan, reka bentuk produk, kaedah pembelian, penyimpanan rekod produk atau perkhidmatan. Kod-kod ini memerlukan kepada hasil inovasi bagi memudahkan dari aspek pelaksanaan. Misalnya perkhidmatan MYeHALAL yang disediakan oleh pihak JAKIM adalah untuk memudahkan orang awam dalam penentusan halal produk yang dibeli atau digunakan.

Pelaksanaan audit dalam di Mahkamah Syariah Negeri Melaka adalah mengikut carta perbatuan yang telah ditetapkan. Audit dalam akan dilakukan sekali setahun sebelum audit luaran dilaksanakan serta selepas daripada aktiviti pemantauan pelaksanaan isu-isu kritikal

Syariah yang diuruskan oleh JK Pematuhan Syariah. Kebiasaannya pelaksanaan audit dalam akan dijalankan pada bulan Mac setiap tahun.

Sebagai persediaan menghadapi audit dalam, JK Latihan telah menyediakan bengkel persediaan audit dalam dan kursus kepada juruaudit yang terlibat bagi kedua-dua persijilan ISO 9000 dan MS 1900.58 Dalam bengkel persediaan juruaudit tersebut membincangkan perkara berkaitan borang senarai semak dan hal-hal berbangkit berkaitan perkara-perkara teknikal berkenaan audit dalam. Bengkel persediaan ini menjadi satu keperluan yang penting bagi juruaudit bagi meningkatkan lagi kefahaman dalam menjalankan proses audit untuk mengesan ketidakpatuhan dan kelemahan dalam pelaksanaan SPK MS 1900 dengan lebih komprehensif.

Informan Pegawai Suhu turut menjelaskan kebiasaan pelaksanaan audit dalam ini mengambil masa tiga hari untuk diselesaikan. Seterusnya, di Mahkamah Syariah Negeri Melaka mempunyai 15 orang auditor dalam kalangan pegawai dan juga staf. Informan Hakim MRS memberitahu bahawa dalam kalangan juruaudit ramai staf sokongan yang terlibat. Perkara ini berlaku kerana kebanyakan daripada staf sokongan adalah mereka yang mahir berkaitan dokumentasi kerana mereka telah mula terlibat sejak tahun 2008 lagi iaitu berkaitan dokumentasi ISO 9000.

Skop audit dalam melibatkan pengurusan kes mal dan jenayah, kes rayuan, pembahagian faraid, suluhan dan seksyen bahagian sokongan keluarga yang meliputi proses pendaftaran, perbicaraan, keputusan kes dan pengurusan perintah. Pelaksanaan audit dalam ini menggunakan tiga kaedah utama iaitu kaedah semakan, temubual dan pemerhatian. Informan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Pembantu Syariah menjelaskan kebiasaannya para auditor dalam akan mengambil 10 dokumen secara rawak untuk disemak bagi menentukan tahap kepatuhan pelaksanaan proses kerja yang telah ditetapkan dalam manual kualiti dengan berpandukan senarai semak yang disediakan. Pernyataan di bawah merupakan perkongsian pengalaman informan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat sebagai auditor dalam:

“Sewaktu saya mengaudit, saya lebih kepada menyemak dokumen, apakah prosedur yang perlu ada dalam ISO 9000 dan juga elemen patuh Syariah yang dikuatkuasa tu dilaksanakan atau tidak. Dan kebanyakan dokumen yang saya semak pihak kakitangan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.”

Selepas pelaksanaan audit dalam dijalankan, jika ada penemuan NCR dan OFI oleh auditor, tindakan pembetulan akan dilaksanakan oleh bahagian atau unit yang berkaitan dalam tempoh 14 hari sebelum audit susulan oleh pihak SIRIM dijalankan.

Audit luaran di Mahkamah Syariah Negeri Melaka ini melibatkan semua keperluan dalam klaus Standard SPK MS 1900:2014 kecuali klaus 7.3 dan 7.6 kerana skop pengurusan Mahkamah Syariah Negeri Melaka tidak melibatkan pembangunan atau perkhidmatan produk baru serta tidak memerlukan atau menggunakan sebarang alat pengukuran dan pengawasan dalam semua aktiviti perundangannya.

Sehubungan itu, integrasi antara konsep hisbah dan proses pengauditan menyerlahkan perkaitan terhadap akauntabiliti (Ariffin dan Hassan, 2014), piawaian etika (Ibrahim, 2016), pencegahan salah laku (Noor and Mohamad, 2021), kebijakan masyarakat (al-Rifai, 2013) dan

ketelusan (Hussain, 2015). Kedua-dua komponen pengauditan dan konsep hisbah menyokong tingkah laku dan integriti yang bertanggungjawab dalam interaksi masyarakat atau operasi organisasi. Dengan memahami perkaitan ini boleh membantu organisasi menggunakan pendekatan tadbir urus yang lebih holistik yang menyepakati pertimbangan etika yang wujud dalam hisbah ke dalam amalan pengauditan.

### **Langkah 9: Pengurusan Risiko.**

Selain itu, risiko-risiko yang disenaraikan ini menjadikan penghasilan inovasi sebagai salah satu tindakan pencegahan risiko. Projek-projek inovasi dijadikan sebagai kaedah untuk mengatasi risiko-risiko yang dihadapi di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Hal ini dijelaskan oleh Hakim Kanan Mahkamah seperti berikut:

“Inovasi ini ada dalam Islam iaitu illah. Contoh illah adalah kes lambat, pelanggan lambat terima perintah dan staf yang sediki.....sebab itu adanya ijihad. Kenapa ada kumpulan inovasi? Adalah untuk tambah baik rekod fail. Semua ini boleh dikenalpasti menerusi pelan risiko Mahkamah Syariah Negeri Melaka.”

Tambahan lagi, risiko-risiko yang dihadapi akan disertakan dengan tindakan pencegahan. Sebagai contoh pengurusan fail kes yang tidak efisien. Maka tindakan pencegahan yang akan dijalankan adalah dengan memperkenalkan sistem pengesanan fail-fail secara atas talian dengan membina sistem EZ-trace yang dijalankan oleh Bahagian Teknologi Maklumat Mahkamah Syariah Negeri Melaka.

Oleh itu, dapat dijelaskan integrasi pelaksanaan pengurusan risiko yang telah diketengahkan dalam MS 1900 ini dengan konsep hisbah iaitu menekankan kepentingan mencegah kemudaratan secara proaktif dengan menggalakkan tingkah laku beretika dan pematuhan piawaian moral. Ini sejajar dengan pengurusan risiko, yang memberi tumpuan kepada mengenal pasti potensi risiko dan melaksanakan strategi untuk mengurangkannya sebelum ia meningkat kepada isu yang lebih serius. Kedua-dua konsep berkongsi ciri pencegahan yang mengutamakan kebijakan individu dan komuniti (Kettani, 2010).

Jadual 3.0 di bawah menunjukkan senarai risiko dan tindakan pencegahan yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah Negeri Melaka:

**Jadual 3.0: Senarai Risiko dan Tindakan Pencegahan**

<b>Senarai Risiko</b>	<b>Tindakan Pencegahan</b>
Pengurusan Fail Kes Yang Tidak Efisien	Mewujudkan Sistem Pengesanan Fail-fail Kes Secara Atas Talian
Kegagalan pelanggan tidak mematuhi etika pemakaian di dalam premis mahkamah.	Mempastikan Pengawal Keselamatan Untuk Bertegas Tidak Membenarkan Pelanggan yang Tidak Mematuhi Etika Pemakaian Daripada Berurusan dengan Pihak Mahkamah.

**Sumber:** Olahan penyelidik berdasarkan hasil kajian.

Rajah 2.0 di bawah merupakan rumusan keseluruhan hasil kajian berkaitan Integrasi Pelaksanaan MS 1900 dengan Konsep Hisbah di MSNM.

### Rajah 2.0: Integrasi Konsep Hisbah dalam Pelaksanaan MS 1900 di MSNM



Sumber: Olahan Penyelidik Berdasarkan Hasil Kajian

### Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti integrasi antara pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (MS 1900) dan konsep hisbah di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kedua-dua elemen ini saling melengkapi dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan dan integriti institusi. Pelaksanaan MS 1900 telah memberikan impak positif yang signifikan terhadap kepuasan pelanggan dan kecekapan pengurusan di mahkamah, di samping memupuk budaya etika dan akhlak Islam dalam kalangan warga kerja.

Melalui penglibatan dalam sistem pengurusan kualiti ini, institusi kehakiman syariah dapat memastikan bahawa setiap aspek operasi mematuhi prinsip syariah dan nilai-nilai moral yang penting. Penerapan nilai-nilai hisbah dalam pengurusan harian membolehkan warga kerja menjadi lebih bertanggungjawab dan peka terhadap kepatuhan syariah sekaligus dapat meningkatkan integriti dan reputasi mahkamah di mata masyarakat.

Kajian ini juga mendapati bahawa pelaksanaan MS 1900 bukan sahaja memberi manfaat kepada warga kerja dan pelanggan dalaman, tetapi turut melibatkan kesedaran yang lebih luas dalam masyarakat mengenai nilai-nilai patuh syariah. Program-program kerohanian dan inisiatif dakwah yang dihasilkan dari pelaksanaan sistem ini membantu mengukuhkan hubungan antara mahkamah dan masyarakat serta memperkuuhkan peranan mahkamah sebagai institusi yang mendukung kebaikan dan mencegah kemungkar.

Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang pembangunan ilmu berkaitan pemahaman konsep hisbah dalam konteks pengurusan kualiti Islam MS1900 di Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Justeru, disarankan agar institusi lain juga mempertimbangkan pelaksanaan sistem

pengurusan kualiti yang serupa untuk meningkatkan keberkesanannya operasi dan mencapai matlamat pengurusan yang lebih baik dalam konteks syarak.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada warga Mahkamah Syariah Negeri Melaka yang memberi kebenaran dan kerjasama untuk menjalankan temubual kajian kes ini. Beberapa hasil kajian penemuan dalam artikel ini sebahagiannya berdasarkan tesis Doktor Falsafah pengarang pertama.

## Rujukan

- Abdul Manaf, S., & Che Pa, B. (2017). Praktikal Pelaksanaan Konsep Hisbah Dalam Pentadbiran Audit Syariah Di Bank Islam Malaysia Berhad. *Online Journal Research in Islamic Studies*, 4(3), 47–57. <https://doi.org/10.15364/ris17-0403-04>
- Abdul Qahhar Ibrahim, Berhanundin Bin Abdullah, Zawawi Bin Yusof, Mohamad Nurul Hafiz Bin Ab Latif, & Rasyad Afif Bin Ibrahim. (2024). Implementation of hisbah in the management of Islamic affairs (PHEI) in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(12), 3317-3321. [#contentReference\[oaicite:7\]{index=7}.](https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v14-i12/24309)
- Ahmad, F. A., & Ibrahim, A. (2022). Analisis Bibliometrik Ke Atas Hisbah Dan Ombudsman Dalam Pangkalan Data Scopus. *AZKA International Journal of Zakat & Social Finance*, 79–94. <https://doi.org/10.51377/azjaf.vol3no3.137>
- Al-Mubarak, M. (1967). *al-Dawlah wa Nizam al-Hisbah Inda Ibn Taymiyyah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Rifai, A. (2013). The Role of Hisbah in Promoting Ethical Standards in Business Practices. *Journal of Islamic Business and Management*, 3(1), 12-20.
- Ariffin, Z. Z., & Hassan, M. K. (2014). The Role of Hisbah in Enhancing Accountability in Islamic Financial Institutions. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 7(4), 404-416.
- Azhar, A. (2018). Integrasi Hisbah Dan Dakwah Dalam Prosedur Penguatkuasaan Undang-Undang Kesalahan Maksiat Dan Jenayah Khalwat Di Malaysia. *Syariah: Jurnal Hukum Dan Pemikiran*, 18(1), 119–138.
- Creswell, J. W. (2014). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. Sage publications.
- Elvira Sitna Hajar. (2021). Institusi pengawasan publik (hisbah) menurut Ibnu Taimiyah. *An Nawawi: Jurnal Hukum dan Ekonomi Islam*, 1(2), 71-78.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, Sophian Bin Rambli, & Imam Fauji. (2018). Amalan hisbah dan prospek terhadap pengurusan akidah di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Halaqa: Islamic Education Journal*, 2(1), 1-11.
- Hamidi Abdul Ghani, & Nasron Yaacob. (2022). Pengawasan hisbah terhadap aktiviti pengurusan perniagaan. *Rabbanica*, 3(1), 119-126
- Hussain, M. (2015). The Importance of Transparency in Islamic Financial Institutions: A Hisbah Perspective. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 6(3), 258-273.
- Ibnu Taimiyah, (1976) *Al-Hisbah fil Islam*, Kairo: Daar al-Sha'ab.
- Lestari, D., Puspita, F. F., & Latifah, F. N. (2022). Analisis Komparatif Lembaga Hisbah Di Zaman Rasulullah Dengan Zaman Modern Berdasarkan Sistem Ekonomi Islam. *Al-Muamalat: Jurnal Ekonomi Syariah*, 9(2), 84–92. <https://doi.org/10.15575/am.v9i2.16270>

- Mamat, Z. (2010). Institusi Hisbah dan Peranannya dalam Mengawal Kegiatan Ekonomi Negara Islam. *Jurnal Muamalat*, 3, 113–138.
- Mazlan, M., & Jakaria, N. A. (2023). Keperluan Hisbah Dalam Amalan Etika Akademik Pensyarah Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Jurnal 'Ulwan*, 8(3), 338–347.
- Mohd Ab Malek Md Shah, Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nurr Sadikan, Mohd Harun Shahudin, & Nurul Aina Johari. (2021). The relevancy of hisbah (accountability) in the modern era: A brief analysis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri*, 22(2), 30-35.
- Muslihah Mazlan, Siti Nur Afiqah Shafie, & Noor Azizah Jakarta. (2021). Analisis pengamalan hisbah dalam pengurusan disiplin pelajar di Pondok Bustanul Arifin Banting Selangor. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1), 155-171
- Noor, M. N. M., & Mohamad, M. (2020). Auditing as a Mechanism for Enhancing Good Governance in Islamic Finance: A Hisbah Perspective. *Asian Journal of Business and Accounting*, 13(1), 23-36.
- Nur Al-Farhain Kamaruzaman, & Kamaruzaman Yusoff. (2021). Konsep dan aplikasi hisbah berkaitan penguatkuasaan undang-undang moral Islam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 4(1), 146-157
- Nur Sarah Tajul Urus, Md. Amin Abdul Rahman Al-Jarumi, Mohd Syahmil Samsudin, & Mus'ab Yusoff. (2022). Hisbah (Ombudsmen) as a mechanism for resolving enforcement issues in Malaysia: Changes and difficulties. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(1), 1843-1846.
- Poad, A. F. M., & Ibrahim, A. (2019). Hisbah Towards Empowerment Of Human Development. *The European Proceedings of Social & Behavioural Sciences*, 279–286. <https://doi.org/10.15405/epsbs.2019.09.30>
- Syahir Abu Bakar, M., Fariza Wan Alyati Wan Zakaria, W., & Salleh, K. (2017). Keperluan Nilai dan Integriti Terhadap Para Muhtasib di Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2), 236–249.
- Yin, R. K. (2018). Case study research and applications: Design and methods. Sage publications.